BH 18 JANUARI 2013 JUMAAT

# Pembangunan luar bandar diteruskan

*Konsep janji ditepati bukti kesinambungan usaha bantu rakyat sejak merdeka*




HASNAH HUSSIIN

hasnah@ump.edu.my


Penjajahan British meninggalkan banyak kesan sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial. Satu daripada kesan yang dilihat memberikan impak yang besar sehingga ke hari ini ialah wujudnya kawasan maju dan kurang maju iaitu berkait rapat dengan pembangunan ekonomi pada masa itu.

Ketika penjajahan British, mereka memperkembangkan kawasan yang menjadi tumpuan ekonomi perdagangan bijih timah dan getah. Di kawasan juga dijadikan pusat pentadbiran British. British membina jaringan jalan raya dan landasan kereta api bagi menghubungkan kawasan ladang dan lombong bijih timah ke pusat bandar dan pelabuhan.

Akhirnya wujud perbandaran di kawasan berkenaan, manakala kawasan bukan tumpuan ekonomi perdagangan British seperti kawasan pedalaman, kampung-kampung dan pinggir pantai terbiar tanpa sebarang pembangunan, kemudahan asas dan prasarana. Keadaan ini mewujudkan dua bentuk sektor ekonomi iaitu ekonomi moden dan ekonomi tradisional.

Sektor ekonomi tradisional digiatkan oleh penanam padi, nelayan, penanam buah-buahan dan sayur-sayuran secara kecil-kecilan. Mereka sering dikaitkan dengan masalah kekurangan teknologi, daya pengeluaran yang rendah, menggunakan kaedah tradisional. Keadaan ini sengaja dibiarkan oleh pihak British kerana mereka mahu mengekalkan orang Melayu dengan kegiatan tradisi mereka iaitu menanam padi. Kawasan yang maju menjadi bandar berikutan proses urbanisasi, manakala kawasan kampung dan kawasan pedalaman yang tidak mengalami proses sama dikenali sebagai luar bandar.




*Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) membantu meningkatkan lagi taraf ekonomi masyarakat setempat.*



*Projek stesen solar hibrid dibina untuk **kegunaan sekolah luar bandar.***

### Pembangunan luar bandar

Ketidakseimbangan kemajuan antara bandar dan luar bandar mendapat perhatian kerajaan apabila negara ini mencapai kemerdekaan pada 1957. Selepas kemerdekaan, pembangunan luar bandar dijadikan agenda utama dalam pembangunan negara dengan tertubuhnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada 1959 dan setahun kemudian dilancarkan pula Program Pembangunan Luar Bandar.

Secara umumnya, pengenalan program pembangunan luar bandar adalah bagi memenuhi janji Kerajaan Persekutuan ketika pilihan raya. Selepas sahaja pilihan raya 1959, Kementerian Pembangunan Luar Bandar ditubuhkan. Program pembangunan tanah FELDA yang dimulakan sejak 1956 diperkembangkan lagi. Matlamat FELDA adalah untuk menolong masyarakat Melayu luar bandar yang tidak mempunyai tanah.

Selain pembukaan tanah, kerajaan membangunkan sistem pengairan dan saliran bagi membantu pesawah menambahkan hasil keluaran padi. Kawasan yang diairi bertambah daripada 113,000 ekar dalam tempoh 1961-1965 kepada 202,000 ekar dalam tempoh 1966-1970, manakala pengeluaran padi meningkat dari 2.9 peratus kepada 6 peratus dalam tempoh itu.

### Pendidikan, kesihatan lebih baik

Adalah menjadi dasar Kerajaan Persekutuan untuk memberikan tempat kepada semua kanak-kanak yang layak menduduki sekolah rendah. Pendidikan sekolah rendah disediakan secara percuma di semua sekolah bantuan kerajaan. Justeru, pembinaan sekolah rendah dan menengah diberikan fokus utama dalam rancangan pembangunan negara. Dalam tempoh 1960-1965, sebanyak 18,382 sekolah rendah dan 1,236 sekolah menengah didirikan.

Secara umumnya, kebanyakan masyarakat luar bandar pada masa itu masih buta huruf. Menurut laporan banci 1957, 75 peratus daripada empat juta penduduk berusia 10 tahun dan ke atas adalah buta huruf.

Pendidikan untuk orang dewasa juga diperkenalkan dan pada akhir Jun 1965, terdapat sebanyak 13,772 Sekolah Dewasa dengan kemasukan 285,948 pelajar dengan 8,024 tenaga pengajar. Menjelang akhir 1965, 598,168 orang dewasa sehingga usia 60 tahun berjaya menamatkan persekolahan.

Kerajaan juga memberi tumpuan kepada pembangunan kesihatan luar bandar dengan membina lebih banyak pusat kesihatan untuk kemudahan penduduk luar bandar termasuk pusat kesihatan kecil dan klinik ibu mengandung.

Pusat kesihatan yang paling banyak didirikan ialah klinik ibu mengandung dan langkah itu berjaya mengurangkan kadar kematian bayi baru lahir dan kanak-kanak di beberapa negeri di luar bandar.

> *"Ia juga memperlihatkan bahawa **konsep janji ditepati bukanlah slogan baru kerajaan yang memerintah pada hari ini**, tetapi kesinambungan usaha kerajaan untuk membantu dan menaikkan taraf hidup rakyat"*

### Jalan raya, air dan elektrik

Kerajaan juga melaksanakan program pembinaan jalan raya untuk membentuk rangkaian komunikasi bagi menghubungkan kawasan bandar dan luar bandar bagi pembangunan ekonomi. Tumpuan diberikan kepada sistem perhubungan di Pantai Timur dan pembinaan jalan raya dan jambatan. Pembinaan jaringan jalan raya itu selari dengan dasar pembukaan tanah hutan untuk dijadikan penempatan.

Bagi memajukan penduduk luar bandar dan memudahkan perhubungan dengan kawasan bandar, kerajaan memperkenalkan perkhidmatan bas luar bandar. RIDA memulakan perkhidmatan bas di jalan baru yang dibuka di bawah rancangan FELDA.






*Pelajar luar bandar turut menikmati **pembelajaran secara maya serta khidmat klinik untuk ibu mengandung.***

Kerajaan juga melaksanakan program bekalan air bersih kepada penduduk luar bandar bagi menjamin kesejahteraan hidup dan meningkatkan taraf kesihatan mereka. Hasilnya bilangan mereka yang mendapat bekalan air yang dibersihkan melebihi 2.7 juta kepada 3.7 juta pada 1965. Jumlah bilangan rancangan bekalan air luar bandar bertambah dari 111 rancangan pada 1960 kepada 159 rancangan pada 1965.

Dasar pembangunan luar bandar juga menyaksikan program bekalan elektrik ke luar bandar. Program pada masa itu terletak di bawah pengawasan bahagian operasi Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan disebut Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB).

### Janji ditepati

Tempoh 1957-1970 memperlihatkan perubahan kepada masyarakat Melayu khususnya di kawasan luar bandar. Beberapa usaha dilakukan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan dan memajukan masyarakat Melayu yang sebelum ini tidak diberi tumpuan British. Justeru, beberapa sektor diberi perhatian oleh kerajaan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Melayu iaitu dalam sektor pertanian, pendidikan, kesihatan, ekonomi dan infrastruktur.

Bagaimanapun, usaha untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Melayu dalam tempoh 1957-1970 tidak dapat berjalan dengan sempurna disebabkan kerajaan menghadapi beberapa masalah seperti kewangan, kekurangan tenaga mahir dan sumber manusia, pentadbiran dan penerimaan masyarakat terhadap usaha pembangunan dilancarkan kerajaan.

### Taraf sosioekonomi lebih baik

Justeru, taraf sosioekonomi masyarakat Melayu luar bandar selepas merdeka adalah lebih baik jika dibandingkan dengan kedudukan sosioekonomi mereka ketika penjajahan British dahulu. Dalam tempoh 1957-1970 dapat dilihat walaupun negara baru sahaja mencapai kemerdekaan dan juga dengan segala kekurangan yang dihadapi, pihak Kerajaan Persekutuan tetap melaksanakan pembangunan luar bandar kerana janji harus ditepati.

Ia juga memperlihatkan bahawa konsep janji ditepati bukanlah slogan baru kerajaan yang memerintah pada hari ini, tetapi kesinambungan usaha kerajaan untuk membantu dan menaikkan taraf hidup rakyat yang menyokong usaha kerajaan sejak dari zaman merdeka sehinggalah sekarang.


**Penulis** ialah Pensyarah Kanan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP)